

# LEKOR

BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

eISSN273-0169

UTAMA

STAF

PELAJAR

KOLABORASI

KEUSAHAWANAN & KERJAYA

SUKAN & KEBUDAYAAN

CSR

INOVASI & PENYELIDIKAN

GALERI



Selamat Menyambut  
**HARI KEMERDEKAAN**  
*ke63*



Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa  
Pengarah Politeknik Kuala Terengganu





# Kata Aluan Penasihat

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Saya terlebih dahulu ingin memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan berkat izin, limpah kurnia dan makbul-Nya Buletin Lekor ini dapat diterbitkan.

Saya juga ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Penerbitan Buletin Politeknik Kuala Terengganu atas komitmen dan kerjasama yang telah diberikan dalam memastikan proses penerbitan Buletin Lekor ini berjalan dengan lancar.

Sebagai Pengarah di Politeknik Kuala Terengganu saya berharap agar pencapaian-pencapaian yang diraih melalui aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang tahun akan menjadi pembakar semangat kepada seluruh warga PKT untuk terus berusaha dan mengorak langkah dalam mencipta kejayaan-kejayaan lain pada masa akan datang.

Saya percaya setiap warga PKT mempunyai kelebihan dan bakat tersendiri yang dapat menyumbang ke arah pembangunan PKT sebagai sebuah institusi pendidikan yang terunggul di Malaysia.

Semoga PKT akan terus melakar kejayaan cemerlang dan gemilang pada masa akan datang. Insya-Allah.

**Dr. Hj. Mohd Daud Bin Isa**

Penasihat

Jawatankuasa Penerbitan Buletin LEKOR  
Politeknik Kuala Terengganu

# Kata Aluan Pengerusi

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Terima kasih diucapkan kerana memberi ruang kepada saya untuk memberi sepatah dua kata di ruangan ini. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada semua ahli jawatankuasa kerana telah memberi kerjasama dan komitmen yang sebaiknya dalam penerbitan Buletin LEKOR ini.

Saya berharap agar kita semua dapat bergerak seiring dengan satu suara, satu harapan dan bersama membentuk satu cita demi mencapai matlamat serta merealisasikan impian kita untuk menjadikan Buletin LEKOR sebagai satu bahan bacaan yang dapat memberi manfaat kepada semua pembaca.

Diharapkan juga Buletin LEKOR akan terus menjadi wadah dalam pembudayaan ilmu dengan memaparkan berita-berita dan aktiviti-aktiviti yang telah berjaya dilaksanakan sepanjang tahun.

Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua warga Politeknik Kuala Terengganu yang telah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penerbitan Buletin LEKOR ini.

Semoga semua usaha kita semua diberkati Allah s.w.t

**En. Abdul Halim bin Ahmad**  
Pengerusi  
*Jawatankuasa Penerbitan Buletin LEKOR*  
*Politeknik Kuala Terengganu*



# Sidang Redaksi

## PENASIHAT

Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa

## PENGURUSI

En. Abdul Halim bin Ahmad

## TIMBALAN PENGURUSI

YM Tn. Syed Ahmad Nasrie bin Sayed Abdullah

## SETIAUSAHA

Pn. Nor Aziah binti Awang

## KETUA EDITOR BULETIN

Pn. Nooraini binti Che Aziz

## PENOLONG KETUA EDITOR BULETIN

Pn. Aiezzatul Akmaliyah binti Abdullah

## EDITOR BULETIN I

En. Mohd Shafian bin Abdullah

## EDITOR BULETIN II

Pn. Nik Norlelawati binti Nik Mukhtar

## EDITOR BULETIN III

Pn. Rosmayati binti Ismail

## JURUFOTO

En. Md Hafriz Fikrie bin Md Hussin

En. Albaihaki bin Awang

## DESIGNER BULETIN

Cik Sharifah Sahidatunadrah binti Syed Abdullah

# Program Jom Kacau Bubur Asyura

23 SEPTEMBER 2020, RABU

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Telah berlangsung Program Jom Kacau Bubur Asyura bertempat di Kantin Politeknik Kuala Terengganu anjuran Kelab Staf PKT. Semoga program ini dapat mengeratkan lagi ukhuwah dan silaturrahim antara warga PKT.

Sebanyak 260 bekas bubur asyura telah diagihkan kepada warga PKT.



# MAJLIS JASAMU DIKENANG- 'SELAMAT BERSARA POK DIN'

03 SEPTEMBER 2020, KHAMIS

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



MOHAMMAD ZAWADIN  
BIN DAUD

**38TAHUN BERKHIDMAT**  
**1982-2020**

Dalam kehidupan, kita sering mendengar ungkapan, "Yang penting bukan berapa lama kita hidup, tetapi bagaimana kita hidup." Begitu juga dalam perkhidmatan, yang penting bukan berapa lama kita berkhidmat, tetapi bagaimana kita berkhidmat dan bagaimana kita mencurahkan khidmat.

Selamat bersara diucapkan kepada Encik Mohamad Zawadin bin Daud. Semoga kenangan di PKT menjadi memori terindah kepada anda. Didoakan agar segala urusan dipermudahkan dan semoga diberkati dengan kesihatan yang berpanjangan serta bahagia di samping keluarga tersayang.

Sesungguhnya khidmat bakti yang telah disumbangkan kepada PKT khasnya dan Perkhidmatan Awam amnya tidak terbalas.

Kalau ada pauh di daik,  
Bawa sebiji ke tanah seberang,  
Kalau ada budi yang baik,  
Sampai mati dikenang orang.

Sudah adat bertemu,  
Tentu ada perpisahannya,  
Sudah adat berjumpa,  
Tentu ada noktah perhentiannya.

Kalau ada sumur di ladang,  
Boleh saya menumpang mandi,  
Kalau ada umur yang panjang,  
Boleh kita berjumpa lagi.

SELAMAT BERSARA POK DIN!!



# MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)2019 PERINGKAT POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

03 SEPTEMBER 2020, KHAMIS

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 peringkat Politeknik Kuala Terengganu telah berjalan dengan lancar kelmarin bertempat di Hotel YT Midtown Kuala Terengganu.

Majlis pada hari ini bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada warga Politeknik Kuala Terengganu atas sumbangan dan pencapaian cemerlang dalam melaksanakan tugas-tugas rasmi dan hakiki disamping penglibatan secara aktif di dalam kegiatan kemasyarakatan dan lain-lain sumbang bakti yang bermanfaat kepada negara.

Penganugerahan APC ini merupakan satu manifestasi keprihatinan kerajaan terhadap modal insan berkualiti, dinamik dan berprestasi unggul yang mencapai ekspektasi yang disasarkan. Tahniah dan syabas diucapkan kepada 12 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang dari Politeknik Kuala Terengganu bagi tahun 2019. Justeru, anugerah ini perlu dijadikan sebagai motivasi utama di dalam melaksanakan tanggungjawab dan amanah bersama.

Majlis APC peringkat Politeknik Kuala Terengganu kali ini telah dirasmikan oleh Yang Berusaha Encik Mohamad Isa Bin Azhari, Pengurus Zon Politeknik dan Kolej Komuniti (Zon Timur) mewakili YBhg. Ts. Dr. Mohammad Naim Bin Yaakub, Ketua Pengarah Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti.

Turut hadir Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT, En. Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah Akademik dan En. Marzuki bin Hussain, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih diucapkan kepada seluruh jawatankuasa yang terlibat dalam menjayakan majlis ini.

# MAJLIS JASAMU DIKENANG

15 JUN 2020, ISNIN

Dilaporkan oleh Jabatan Matematik, Sains dan Komputer



Kami seluruh warga JMSK mengucapkan sekalung tahniah dan syabas kepada tulang belakang keluarga JMSK iaitu :

En Mohd Rusmi Bin Abdul Ghani (KJMSK) telah dinaikkan pangkat dan akan bertukar ke JKE PKT,

En Wan Mohd Rizairie Bin Wan Mohamad Noor (Pensyarah JMSK) telah dinaikkan pangkat dan akan bertugas di tempat baharu dan

Pn Nadiana Binti Ariffin (Pensyarah JMSK) telah dinaikkan pangkat dan berjaya menyambung pelajaran secara sepenuh masa di UNISZA.

Didoakan semoga sentiasa diberi perlindungan dan kesihatan berpanjangan, dimurahkan rezeki oleh Allah SWT dan terus memberikan khidmat yang cemerlang walau di mana pun berada.

Jutaan terima kasih atas jasa dan sumbangan.

Selamat maju jaya, jasamu tetap dikenang.

# MAJLIS PELANCARAN KIBAR JALUR GEMILANG PERINGKAT PKT 2020

12 OGOS 2020, RABU

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya pada petang ini Majlis Pelancaran Kibar Jalur Gemilang peringkat Politeknik Kuala Terengganu bagi tahun 2020 telah berjalan dengan lancar dan telah disempurnakan oleh Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu bertempat di Perpustakaan PKT.

Sebagai rakyat Malaysia, kita seharusnya berasa bertuah dan bangga menjadi sebahagian daripada rakyat negara yang berdaulat dan merdeka ini. Pada hari ini, kita dapat mengecapi kehidupan dalam suasana yang harmonis, aman serta sejahtera. Dengan nikmat kemerdekaan, rakyat di negara ini hidup lebih selesa dan makmur serta bertolak ansur. Hal ini merupakan satu nikmat yang tidak ternilai harganya.

Kita semua sedia maklum bahawa Sambutan Bulan Kemerdekaan merupakan acara tahunan dengan aspirasi negara bagi membentuk rakyat Malaysia yang amat menghargai nilai kemerdekaan bagi sesebuah negara. Sambutan Bulan Kemerdekaan diadakan setiap tahun bagi menanam semangat patriotik yang menebal dalam kalangan rakyat khususnya generasi muda.

Apabila kita mengibarkan Jalur Gemilang, secara tidak langsung dapat memupuk perpaduan dalam kalangan kita semua tanpa mengira latar belakang agama yang dianuti, warna kulit, pangkat atau darjah. Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh. Pepatah ini sudah cukup menggambarkan betapa kita perlu bersatu hati dalam merealisasikan sesuatu harapan atau impian. Sejarah juga telah membuktikan betapa keagungan sesuatu empayar itu bukan hanya terletak kepada kepimpinan yang bijak bestari semata-mata tetapi semangat jati diri dan permuafakatan rakyat turut memainkan peranan yang sama penting.

Berbagai cara orang menyambut kemerdekaan. Tetapi kita disini, marilah kita sama-sama menyambut kemerdekaan dengan rasa syukur kerana dapat melakukan pelbagai aktiviti dengan keseronokan, kegembiraan dan kebebasan tanpa rasa takut dan bimbang. Walaupun sambutan Bulan Kemerdekaan di PKT dibuat serba ringkas, diharapkan para pelajar dapat menghayati inti pati sambutan kemerdekaan kali ini dan bersama-sama berganding bahu merealisasikan bulan kemerdekaan ini dengan menyertai aktiviti-aktiviti yang akan dianjurkan oleh pihak PKT.

Syabas dan tahniah kepada semua pihak yang telah bertungkus lumus membuat segala perancangan dan persediaan acara pada hari ini serta program-program bagi mengisi sambutan Bulan Kebangsaan dan Kibar Jalur Gemilang pada tahun ini di peringkat Politeknik Kuala Terengganu.

Diharapkan juga seluruh warga PKT mengorak langkah bersama-sama bersatu membangunkan modal insan berlandaskan kejayaan generasi terdahulu dalam memperjuangkan serta memperkuuh nilai kemerdekaan tanah air kita. Atas jerih payah generasi dahululah maka kemerdekaan dan pembangunan yang kita kecapi hari ini mampu seiring dengan negara-negara lain dan semakin gah di persada dunia.

# OPS HANTAR PELAJAR IPT PULANG SEMASA TEMPOH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) - COVID19

01 MEI 2020, JUMAAT

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Seramai 11 orang pelajar telah berlepas dari Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dengan menaiki bas PKT untuk pulang ke kampung halaman masing-masing di daerah Setiu, Besut, Pasir Putih, Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas dan Jeli pada jam 9.00 malam tadi. Mereka telah diiringi oleh Pegawai Pengiring, Puan Mazuraida binti Abdullah bersama-sama dengan pemandu bas, En. Mohd Zaid bin Hitam dan ini juga merupakan trip pertama bagi OPS Hantar Pelajar IPT Pulang bagi Politeknik Kuala Terengganu.

Pihak bomba juga telah menjalankan sanitasi barang-barang pelajar dan bas yang digunakan untuk menghantar pelajar sebelum dan selepas perjalanan bagi mematuhi SOP yang telah ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Saringan kesihatan oleh Pejabat Kesihatan Negeri Kuala Terengganu kepada staf dan pelajar PKT yang terlibat bagi Misi Penghantaran Pulang Pelajar PKT ke kampung halaman masing-masing juga telah diadakan bagi memastikan tahap kesihatan para pelajar dan staf yang terlibat berada dalam keadaan baik.

Seluruh warga Politeknik Kuala Terengganu mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat dalam menjayakan OPS Hantar Pelajar IPT Pulang terutamanya kepada Kerajaan Malaysia, frontliners, dan juga kakitangan PKT yang telah terlibat secara langsung maupun tidak langsung dalam misi ini. Syabas dan tahniah diucapkan.

# LAPORAN AKTIVITI KEBAJIKAN PELAJAR TERKANDAS DI RUMAH SEWA SEMPENA PERINTAH KAWALAN COVID-19

07 APRIL 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Seramai 26 orang pelajar Politeknik Kuala Terengganu masih lagi berada di rumah sewa masing-masing dan di pantau oleh Pegawai Hal Ehwal Pelajar (HEP) dan Penasihat Akademik. PKT di bawah Jabatan Hal Ehwal Pelajar telah mengambil inisiatif dengan memberikan bantuan kewangan melalui kaedah online transfer kepada pelajar yang memerlukan bagi tujuan pembelian barang-barang keperluan dapur.

Selain itu, mulai 23 Mac 2020, pelajar telah diberi makanan berbungkus melalui pembekal sebanyak 3 kali sehari iaitu makan pagi, makan tengahari dan makan malam dan pemberian makanan ini akan berterusan sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berjalan.

PKT telah menerima sumbangan Food Bank daripada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) untuk diagihkan kepada 27 orang pelajar PKT yang berada di rumah sewa sekitar Kuala Terengganu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Terima kasih KPDNHEP. Selain itu, syarikat roti Fuji Terengganu juga telah memberi sumbangan roti kepada para pelajar dan pada masa yang sama PKT turut menerima sumbangan berbentuk barang keperluan dapur daripada pejabat Menteri Besar Terengganu.

PKT mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang prihatin terhadap kebajikan pelajar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini.

# PENGLIBATAN PELAJAR DAN PENSYARAH PKT DI SETIU WETLANDS OPEN DAY

06 MAC 2020, JUMAAT

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Seramai 10 pelajar dan 7 pensyarah Politeknik Kuala Terengganu telah terlibat dengan Majlis Perasmian Setiu Wetlands Open Day yang telah berlangsung selama 2 hari bertempat di Kampung Mangkuk, Setiu.

Majlis Perasmian telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri bin Mokhtar, Menteri Besar Terengganu.

Antara penglibatan pelajar adalah terlibat sebagai sukarelawan bagi aktiviti 3KM Wetland Walk for Fun dan mempromosikan pengumpulan E-waste. Selain itu, dua pelajar telah bertugas sebagai maskot WWF dan CIMB.

YAB juga sempat melawat booth pameran Politeknik Kuala Terengganu yang mempromosikan kemasukan ke Politeknik Malaysia sempena pengumuman keputusan SPM baru-baru ini diiringi oleh CEO WWF dan CEO CIMB.

Semoga pengalaman ini menjadi pengalaman yang berharga buat para pelajar PKT yang terlibat.

# MAJLIS PENYERAHAN WATIKAH PELANTIKAN MPP 2020

23 FEBRUARI 2020, AHAD

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua pelajar yang telah berjaya dipilih sebagai barisan MPP kali ini kerana telah meraih kepercayaan daripada rakan-rakan anda, warga pelajar PKT sebagai wakil menyuarakan idea serta berkongsi pandangan yang sangat diperlukan oleh pihak Pengurusan Politeknik Kuala Terengganu.

Semoga dengan adanya penyerahan watikah pelantikan ini barisan MPP PKT 2020 lebih bersemangat untuk menyandang tanggungjawab yang telah diamanahkan.

Syabas dan tahniah juga diucapkan kepada Jabatan Hal Ehwal Pelajar PKT dengan kerjasama semua Jabatan dan Unit kerana telah menjalankan tanggungjawab untuk memastikan pilihan raya yang dikendalikan berjalan dengan baik dan lancar.

Fungsi utama penubuhan MPP adalah untuk menjadi agen perantaraan antara dua pihak, iaitu pihak Pengurusan Politeknik dan pihak pelajar khususnya berkaitan kebijakan dan keperluan pelajar. Ia juga menjadi badan yang bertanggungjawab dalam merancang dan mengendalikan pelbagai aktiviti yang berfaedah bagi mewujudkan suasana kehidupan pelajar yang lebih ceria dan harmonis.

Diharapkan juga agar peranan dan fungsi MPP dapat menjadi penghubung erat antara pihak Pengurusan PKT dan pelajar dalam mengurus tadbir PKT.

*Kuning emas masaknya padi,  
Mawar merah dalam tunangan,  
Terima kasih pemuda pemudi,  
Budinya tuan jadi kenangan*

*Pohon berangan tempat bertemu,  
Girangnya rasa si anak dara,  
Berkhidmatlah tuan sambil menuntut ilmu,  
Membina bangsa bangunkan negara*

# 183 PELAJAR RELASIS ZON TIMUR SERTAI KURSUS ASAS *CRISIS MANAGEMENT TEAM DAN ILMU MEDAN PERANG*

22 FEBRUARI 2020, SABTU

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Kursus Asas *Crisis Management Team* dan Ilmu Medan Perang telah menyasarkan semua anggota RELASIS Politeknik Malaysia Zon Timur bagi pelajar-pelajar Semester 2 bagi memenuhi keperluan kurikulum dalam kandungan silibus RELASIS 2 (MPU24791).

Kursus ini juga dianjurkan sebagai median utama permulaan kepada jalinan kerjasama antara RELASIS Politeknik Zon Timur sebagai wadah dalam memperkemaskan pasukan yang berjiwa kental ke arah memperkasakan pasukan RELASIS Zon Timur khususnya.

Kursus yang disertai oleh 181 pelajar dan 30 pegawai ini diharap dapat memupuk ciri-ciri kepimpinan yang mantap, berketrampilan, pekerti yang mulia, dan berkebolehan menyesuaikan diri dengan situasi luar keselesaan.

Antara pengisian program sepanjang 3 hari kursus ini dijalankan adalah Program Kesediaan Mental dan Membina Kemahiran Diri bagi Menghadapi Cabaran, Kemahiran Menyelamat, Teori Ilmu Medan Perang dan Aplikasi Ilmu Medan Perang.

Semua peserta juga diharap sentiasa menjunjung nilai permuafakatan dalam melaksanakan setiap aktiviti yang dijalankan bagi mencapai kejayaan yang cemerlang, seperti kata pepatah ‘bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat’.

Majlis perasmian penutup kursus ini telah disempurnakan oleh PjR Zubir bin Mustafa, Pengarah Bahagian Pembangunan Pasukan, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA), Kementerian Dalam Negeri. Turut hadir Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT.

# KEM KEPIMPINAN PEMBIMBING RAKAN SEBAYA PKT

22 FEBRUARI 2020, SABTU

Dilaporkan oleh Wan Norisah binti Wan Musa, Unit Pengurusan Psikologi



Ahli Pembimbing Rakan Sebaya (PRS), PKT di bawah Unit Pengurusan Psikologi telah mengadakan aktiviti membersihkan kawasan sekitar Pantai Batu Buruk, Kuala Terengganu.

Aktiviti ini telah dirasmikan oleh En. Abdul Halim bin Ahmad, Timbalan Pengarah PKT.

# KUNJUNGAN HORMAT PENGARAH POLITEKNIK KUALA TERENGGANU KEPADAYANG BERHORMAT DATO' SERI TUAN GURU HAJI ABDUL HADI BIN AWANG, AHLI PARLIMEN MARANG

10 SEPTEMBER 2020, KHAMIS

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Tujuan perjumpaan ini adalah untuk mengemukakan cadangan membina kampus kekal Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dan mendapatkan pandangan bagi lokasi yang dicadangkan iaitu di Bukit Kor, Marang. Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang tiada halangan dengan cadangan lokasi yang telah dikemukakan. En. Harun bin Yusof, Pegawai Khas Parlimen Marang memaklumkan bahawa status permohonan tanah ialah dalam proses permohonan kelulusan.

Di akhir perbincangan, Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa menyerahkan Kertas Kerja Permohonan Tapak dan Kampus Baharu Politeknik Kuala Terengganu kepada Dato' Seri Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang untuk rujukan dan tindakan beliau selanjutnya.



# LAWATAN KERJA PRA MESYUARAT KOLABORASI INDUSTRI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2020

08 SEPTEMBER 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Pada hari ini telah berlangsung Lawatan Kerja Pra Mesyuarat Kolaborasi Industri Politeknik Kuala Terengganu bagi tahun 2020 bertempat di Dewan Utama PKT anjuran Unit CISEC dan Unit Kolaborasi PKT.

Dalam mengejar visi Politeknik Kuala Terengganu (PKT) "Menjadi institusi TVET yang berkualiti dalam melahirkan modal insan holistik dan menjadi pilihan utama industri", jalinan kerjasama serta perkongsian antara PKT dan pihak industri amat penting dalam merealisasikan hasrat dan tujuan PKT sebagai peneraju Institusi TVET yang unggul melalui perkongsian pintar yang meliputi perkongsian pandangan, idea, pengalaman serta kepakaran.

Impak dari perkongsian tersebut membantu kepada penyediaan akses yang meluas kepada program-program TVET seterusnya melahirkan graduan holistik, bercirikan keusahawanan dan seimbang mampu mewarnai pasaran pekerjaan nasional.

# LAWATAN KERJA PRA MESYUARAT KOLABORASI INDUSTRI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU 2020

08 SEPTEMBER 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Antara objektif utama lawatan kerja daripada pihak industri ini adalah :

Membincangkan ruang dan peluang yang boleh diimplementasi melalui kolaborasi antara pihak industri dan Pengurusan Akademik PKT.

Meningkatkan kerjasama dalam pertukaran informasi berkaitan kepakaran latihan, pembangunan kemahiran dan pembelajaran berterusan.

Bekerjasama dalam mengadakan ruang dan memberi peluang kepada kebolehpasaran pelajar PKT.

Membuka peluang kepada industri untuk bertemu pelajar dan menyampaikan maklumat mengenai keperluan syarikat dan pasaran kerja.

Program ini merupakan satu platform dalam usaha untuk menyediakan diri para pelajar yang akan memasuki dunia pekerjaan setelah tamat sesi pengajian. Agenda yang dibincangkan dan aktiviti yang dirancang bersama pihak industri diharapkan dapat membantu politeknik dalam menghasilkan graduan yang memenuhi kehendak industri semasa dan masa depan.



# KUNJUNGAN HORMAT

## KEPADА YB TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN HASHIM

01 SEPTEMBER 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Pada hari ini, Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah PKT bersama-sama empat pegawai yang lain iaitu En. Marzuki bin Hussain, Timbalan Pengarah Sokongan Akademik, Hj. Azman bin Husin, Pensyarah PKT, Puan Nooraini Binti Che Aziz, Pegawai Perhubungan Awam dan En. Mohd Shahrul Anuar bin Mat Radzi, Pegawai Pembangunan telah mengadakan kunjungan hormat kepada YB Tuan Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi merangkap Ahli Parlimen Kuala Terengganu.

Tujuan perjumpaan ini adalah untuk mengemukakan cadangan membina kampus kekal Politeknik Kuala Terengganu (PKT) dan mendapatkan pandangan bagi lokasi yang dicadangkan iaitu di Bukit Kor, Marang dan beliau tiada halangan dengan cadangan lokasi yang telah dikemukakan.

Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa memaklumkan bahawa permohonan cadangan untuk membina kampus kekal Politeknik Kuala Terengganu adalah bagi Rancangan Malaysia Ke-12. Beliau juga menyatakan bahawa bangunan Politeknik Kuala Terengganu sedia ada yang disewa dengan Lembaga Tabung Amanah Warisan Terengganu (LTAWT), Pejabat Tanah dan pihak persendirian di bandar Kuala Terengganu ini menempatkan pelajar seramai 640 orang. Dan dijangka dengan pembangunan kampus baru, ia dapat menampung lebih ramai pelajar sehingga 2,400 pelajar dalam satu-satu masa.

# KUNJUNGAN HORMAT

## KEPADAYB TUAN HAJI AHMAD AMZAD BIN HASHIM

01 SEPTEMBER 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Yang Berhormat Haji Ahmad Amzad bin Hashim menyokong sepenuhnya dengan cadangan untuk membina kampus kekal PKT di Bukit Kor, Marang dan akan mengemukakan surat sokongan terhadap permohonan ini kepada YB Dato' Dr. Noraini Ahmad, Menteri Pengajian Tinggi.

Selain itu, Yang Berhormat Haji Ahmad Amzad bin Hashim turut berkongsi mengenai hasrat MOSTI dalam mendepani dunia sains, teknologi dan inovasi selari dengan dasar Kerajaan Persekutuan untuk menerajui bidang Technical, Vocational, Education & Training (TVET) melalui kementerian-kementerian yang berkaitan, serta MOSTI sendiri turut melancarkan teknologi komposit, fibre glass, drone technology dan memperkenal social innovation untuk menggalakkan semua rakyat terlibat sama dengan inovasi-inovasi baru dalam rutin kehidupan seharian mereka.

Beliau berharap jalinan kerjasama ini dapat memberikan manfaat kepada semua rakyat, khususnya para pelajar dan anak muda, agar masa depan negara lebih cemerlang dan gemilang bukan sahaja dengan teknologi, inovasi malah dapat meningkatkan lagi produktiviti serta peluang pekerjaan yang lebih luas.



# MESYUARAT PERANCANGAN KERJASAMA ANTARA SMK IBRAHIM FIKRI DAN PKT

11 MAC 2020, KHAMIS

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Pada hari ini Politeknik Kuala Terengganu (PKT) telah menerima kunjungan daripada pegawai dari Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim Fikri dan Pejabat Pendidikan Daerah Kuala Terengganu bagi membincangkan perancangan kerjasama antara kedua-dua pihak.

Antaranya perkongsian ilmu dan kepakaran dalam bidang inovasi Augmented Reality (AR) daripada pensyarah dan pelajar PKT dan promosi kemasukan ke Politeknik Kuala Terengganu.

Turut hadir Tuan Haji Akram @ Amir bin Abdul Majid, Ketua Unit Perkhidmatan Pusat Sumber, Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Terengganu.

Mesyuarat dipengerusikan oleh Yang Berusaha Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu.

# MESYUARAT BERSAMA PENASIHAT INDUSTRI

25 FEB 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Antara objektif utama mesyuarat ini diadakan adalah bertujuan untuk:

- ✓ Meningkatkan kerjasama dalam pertukaran informasi berkaitan kepakaran latihan, pembangunan kemahiran dan pembelajaran berterusan pensyarah/pelajar dan komuniti.
- ✓ Bekerjasama dalam mengadakan ruang dan memberi peluang kepada kebolehpasaran pelajar PKT.
- ✓ Membuka peluang kepada industri untuk bertemu pelajar dan menyampaikan maklumat mengenai keperluan syarikat dan pasaran kerja.
- ✓ Membincangkan aktiviti ruang dan peluang yang boleh diimplementasi melalui kolaborasi antara PKT dan industri.

Antara industri dan syarikat yang hadir adalah :

- ❖ Shin-Etsu Polymer (M) Sdn Bhd
- ❖ Akademi Binaan Malaysia Wilayah Timur
- ❖ MySoftcare Solution Sdn Bhd
- ❖ Infradata Technology & Services Sdn Bhd
- ❖ Malaysia Automotive Robotics & IOT Institute
- ❖ Terengganu Digital 1303
- ❖ Getra Sdn Bhd



Terima kasih diucapkan kepada semua yang terlibat.



# KUNJUNGAN HORMAT DARI MULTIMEDIA UNIVERSITY KE PKT

06 FEBRUARI 2020, RABU

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Tujuan perjumpaan adalah bagi membincangkan perkara seperti berikut:

- ✓ Bidang kerjasama strategik antara MMU dan Politeknik Kuala Terengganu
- ✓ Program pembangunan pelajar dalam bidang berkaitan IR4. 0
- ✓ Meneroka program kerjasama antara pelajar MMU dan Politeknik
- ✓ Laluan akademik untuk pelajar Politeknik dan Universiti

Terima kasih diucapkan kepada Encik Ahmad Rizal bin Selamat, Ketua Jabatan Komunikasi dan Promosi, Multimedia University Kampus Melaka atas kunjungan ke Politeknik Kuala Terengganu.



# PELAJAR PKT RANGKUL 5 ANUGERAH DI BUSINESS OPPORTUNITY THROUGH SOCIAL MEDIA COMPETITION (BOSMec) @ MCO2020

06 SEPTEMBER 2020, AHAD

Dilaporkan oleh Norhisyam Mohd



Pelajar PKT di bawah bimbingan Pusat Perkembangan Keusahawanan (CONCEPT), PKT telah berjaya membawa pulang 5 anugerah di Business Opportunity Through Social Media Competition (BOSMec) @ MCO2020 secara keseluruhan membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1500. Anugerah-anugerah yang telah dirangkul adalah:

- 1st prize Video Marketing Award (Category A)  
(Sharifah Nur Aqilah Tengku Abdillah - BAKEDBYQYY)
- 1st prize Media Creation Award (Category A)  
(Wan Muhammad Haris Zafry bin Wan Mohd Zaki - FRANKY FRIES)
- 2nd prize Sales Volume Award (Category B)  
(Muhammad Asyraaf Hakimi bin Mohamad Yazid - DAEBAK CHICKENG)
- 2nd prize BOSMeC Icon Award (Category B)  
(Muhammad Asyraaf Hakimi bin Mohamad Yazid - DAEBAK CHICKENG)
- 2nd prize Sales Achievement Award (Category B)  
(Muhammad Asyraaf Hakimi bin Mohamad Yazid - DAEBAK CHICKENG)

# PELAJAR PKT RANGKUL 5 ANUGERAH DI BUSINESS OPPORTUNITY THROUGH SOCIAL MEDIA COMPETITION (BOSMeC) @ MCO2020

06 SEPTEMBER 2020, AHAD

Dilaporkan oleh Norhisyam Mohd



Pertandingan ini telah diadakan bermula pada 13 Mei hingga 30 Jun 2020 yang lalu. BOSMeC@MCO2020 merupakan pertandingan pemasaran produk pelajar dan komuniti secara atas talian.

Majlis Perasmian Penutup Business Opportunity Through Social Media Competition @ MCO2020 (BOSMeC @MCO2020) pada hari ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Mansor Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi bertempat di Hotel Holiday Villa, Johor Bahru pagi ini bertemakan "Digital Marketing and Social Entrepreneurship".

Tahniah dan syabas diucapkan kepada semua pemenang.

# MESYUARAT KETUA UNIT KEUSAHAWANAN POLITEKNIK & KOLEJ KOMUNITI ZON TIMUR

11 OGOS 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Norhisyam Mohd



Mesyuarat Ketua Unit Keusahawanan Politeknik dan Kolej Komuniti Zon Timur di Politeknik Kuala Terengganu.

Turut hadir Tn Hj Mohd Nor Mazlan Bin Ismail, Timb. Pengarah Unit Keusahawanan dan Alumni JPPKK.



# INDUSTRY TALK : KEPENTINGAN SOFT SKILLS DI ALAM PEKERJAAN

25 FEB 2020, SELASA

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Antara tujuan *Industry Talk* ini diadakan adalah untuk:

- ✓ Memberi nilai tambah kepada bakal graduan PKT dalam memastikan kebolehpasaran dan kebolehdapatan pekerjaan.
- ✓ Mengasah dan meningkatkan kemahiran bakal graduan dengan keterampilan kerjaya yang diperlukan oleh industri IR 4.0 dan TVET agar lebih berkeyakinan dan profesional.
- ✓ Memberi pendedahan dan persiapan awal kepada bakal graduan sebelum memasuki alam pekerjaan sebenar.

Menurut Profesor Datuk Dr. Mohammad Shatar Sabran, Pakar Sosiologi melalui artikel beliau bertajuk ‘Jangan kejar gred A semata-mata’ yang telah dimuat naik dalam akhbar Sinar Harian bertarikh 17 Februari 2020;

“Kemahiran insaniah adalah jauh lebih bermakna kepada pihak industri dibandingkan dengan jumlah gred A yang dimiliki oleh pelajar. Perbezaan persepsi terhadap kecemerlangan itulah yang menyebabkan kadar pengangguran dalam kalangan pelajar ini meningkat. Ini disebabkan mereka yang memperoleh jumlah gred A yang banyak gagal untuk memenuhi kehendak industri atau majikan kerana mereka kurang memiliki kemahiran insaniah yang diperlukan dalam sektor pekerjaan pada hari ini. Penekanan kepada pencapaian bilangan gred A semata-mata sebagai indikator utama untuk mengklasifikasikan sebagai cemerlang atau sebaliknya perlu diubah. Semua pihak yang terlibat perlu memberi sokongan padu kepada usaha ini agar pelajar yang dihasilkan di negara ini bukan sahaja mampu memamerkan keputusan akademik yang baik tetapi juga mampu memamerkan pelbagai kemahiran insaniah yang diperlukan oleh majikan. Dengan adanya kefahaman seperti ini, pastinya kadar kebolehpasaran graduan di negara ini akan meningkat pada masa akan datang.” Oleh itu, *Industry Talk* yang dirancang pada hari ini diharap dapat memberi banyak manfaat kepada pelajar khususnya bakal-bakal graduan mengenai peluang pekerjaan dan persiapan diri bagi membina kerjaya selepas tamat pengajian kelak.

Terima kasih diucapkan kepada Encik Mohd Yahyal Haq bin Ruslan, Pengarah Urusan Mysoftcare Solution Sdn Bhd dan Encik Safri bin Samsudin, Pengurus Sumber Manusia Shin-Etsu Polymer (M) Sdn Bhd kerana sudi berkongsi idea dan pengalaman kepada para pelajar PKT.

# LAWATAN KERJA

## YB TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE PKT

06 JUL 2020, ISNIN

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Politeknik Kuala Terengganu hari ini menerima kunjungan lawatan kerja daripada YB Dato' Mansor bin Hj. Othman, Timbalan Menteri, Kementerian Pengajian Tinggi dan YB Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi.

Delegasi lawatan kerja ini telah disambut oleh wakil daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti, En. Roslee bin Yahya, Pengarah Kanan Kompetensi dan Dr Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu serta kakitangan PKT.

Selepas sesi taklimat oleh Pengarah PKT, delegasi dibawa melawat Pusat Perkembangan Keusahawanan, PKT. Dimulai dengan Butik Kacax, dan seterusnya ke Pusat Inkubator Elektrik dan Elektronik.

Kemudian, YB Timbalan Menteri dibawa melawat ke Pusat Inkubator Media Kreatif Digital. YB Timbalan Menteri didedahkan dengan pelbagai produk digital kreatif dari PKT yang merangkumi platform E-Gaming, Virtual Reality (VR) dan Augmented Reality.



# LAWATAN KERJA

## YB TIMBALAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE PKT

06 JUL 2020, ISNIN

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang hadir pada hari ini. Terutama kepada tetamu utama, Yang Berhormat Dato' Mansor bin Othman, Timbalan Menteri Pengajian Tinggi bersama-sama Yang Berhormat Haji Ahmad Amzad bin Hashim, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi kerana sudi hadir ke PKT.

Terima kasih juga diucapkan kepada En. Roslee bin Yahya, Pengarah Kanan (Kompetensi), JPPKK yang mewakili Ketua Pengarah JPPKK turut hadir pada hari ini.

Kepada semua pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan program hari ini, di ucapkan berbanyak terima kasih.

# KEJOHANAN LIGA FUTSAL & OLAHRAGA POLITEKNIK MALAYSIA 2020

Dilaporkan oleh Zunaidi bin Abdullah



**19 FEBRUARI 2020** - Tahniah diucapkan kepada Team Politeknik Terengganu (PSMZA, PKT, PHT & PBT) atas pencapaian merangkul **Naib Johan Futsal, 2 perak dan 2 gangsa** bagi sukan olahraga di Kejohanan Liga Futsal & Olahraga Politeknik Malaysia 2020 bertempat di Institut Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim, Perak.

# KEJOHANAN RUGBY POLYTECHNIC 10'S 2020

Dilaporkan oleh Zunaidi bin Abdullah



**17-19 JANUARI 2020** - Tahniah dan syabas diucapkan kepada pasukan rugby Politeknik Kuala Terengganu kerana telah berjaya merangkul **JOHAN SHIELD** di Kejohanan Rugby Inter Polytechnic 10's 2020 peringkat kebangsaan anjuran Majlis Sukan Politeknik bertempat di Politeknik Merlimau, Melaka.

## KEJOHANAN FUTSAL TERTUTUP PSMZA & JEMPUTAN ANJURAN PSMZA

Dilaporkan oleh Zunaidi bin Abdullah



**17-18 JANUARI 2020** - Tahniah diucapkan kepada Pasukan Futsal Politeknik Kuala Terengganu kerana berjaya meraih **JOHAN** di Kejohanan Futsal Tertutup PSMZA dan Jemputan peringkat politeknik bertempat di Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin, Dungun, Terengganu.

# MAJLIS PERASMIAN

## PROGRAM SEKAMPIT BERAS SEKILO GULA RAMADAN 2020

21 MEI 2020, KHAMIS

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya pada pagi ini telah berlangsung Majlis Perasmian Program Sekampit Beras Sekilo Gula bagi tahun 2020 anjuran bersama Jabatan Matematik, Sains dan Komputer dan Unit Perpustakaan PKT oleh Yang Berusaha Dr. Hj. Mohd Daud bin Isa, Pengarah Politeknik Kuala Terengganu bertempat di Perpustakaan PKT.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada pihak penganjur dan juga kepada semua ahli jawatankuasa Program Sekampit Beras Sekilo Gula bagi tahun 2020 kerana telah bertungkus-lumus dalam memastikan program ini dapat dijalankan dengan lancar dan jayanya.

Penganjuran kali ini merupakan penganjuran kali keempat oleh Politeknik Kuala Terengganu dan mudah-mudahan program ini menjadi platform kepada semua warga PKT untuk menghulurkan bantuan kepada pihak yang memerlukan terutama golongan fakir miskin yang berada di Kuala Terengganu dan kawasan sekitarnya.



# MAJLIS PERASMIAN

## PROGRAM SEKAMPIT BERAS SEKILO GULA RAMADAN 2020

21 MEI 2020, KHAMIS

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Alhamdulillah, sambutan yang telah diberikan amat menggalakkan. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang telah menyumbang dan semoga setiap sumbangan yang telah diberikan mendapat ganjaran yang setimpal di sisi Allah S.W.T hendaknya.


Selain memberi peluang kepada warga PKT untuk menambah amal kebajikan pada bulan yang mulia ini, program ini juga dirancang untuk mendekatkan lagi hubungan antara warga PKT dengan masyarakat setempat sekali gus mewujudkan budaya kasih sayang dalam kalangan warga PKT khususnya kepada golongan yang tidak berasib baik seperti golongan fakir miskin, anak-anak yatim dan orang kurang upaya (OKU) selaras dengan tuntutan agama Islam yang mementingkan hubungan persaudaraan dan hubungan silaturrahim.

Sejak 14 Mei yang lalu, kira-kira seminggu yang lepas, pelbagai bentuk sumbangan telah diterima oleh pihak penganjur antaranya barang keperluan dapur dan juga wang ringgit. Sehingga hari ini, sumbangan berbentuk wang tunai berjumlah lebih kurang RM6,200 telah diterima. Sebanyak 133 bakul barang keperluan dapur telah berjaya disiapkan dan akan diagihkan kepada pihak yang memerlukan mulai hari ini.

# INOVASI MYBALAS BAG MENDAPAT LIPUTAN WARTAWAN URUSETIA PENERANGAN DARUL IMAN

16 MAC 2020, ISNIN

Dilaporkan oleh Nooraini Aziz



Team Inovasi My Balas Bag, Politeknik Kuala Terengganu yang diwakili oleh dua pensyarah iaitu Puan Rasmaliza Rashid (Pengurus Projek) dan Puan Siti Sarah Malini Mohd Hanifa (Pembangun Sistem) bersama-sama dengan Puan Siti Fatimah Azzahra, Penolong Pegawai Sistem Maklumat, Majlis Daerah Marang telah ditemuramah oleh team Urusetia Penerangan Darul Iman bagi ruangan *Column Inovasi*, Warta Darul Iman.

# BENGKEL PENYEDIAAN PROPOSAL PPRN

3 FEBRUARI 2020, ISNIN

Dilaporkan oleh YM Dr. Tengku Azman bin Tengku Mohd, Unit R&D



Pada hari ini telah berlangsung Bengkel Penyediaan Proposal PPRN (Public-Private Research Network) 2.0 anjuran Unit Penyelidikan, Inovasi & Komersilan (UPIK) Politeknik Kuala Terengganu bertempat di Bilik Seminar UPIK, Politeknik Kuala Terengganu.

Bengkel ini telah dihadiri oleh 3 buah syarikat iaitu NMH Production & Creation, Adi Food Products Sdn Bhd dan Muslim Food Industries serta 20 penyelidik yang terdiri daripada pensyarah PKT.

Pelaksanaan bengkel ini diharap dapat mencapai objektif-objektif seperti berikut:

- Memberi kefahaman kepada syarikat dan penyelidik berkenaan keperluan PPRN dalam penghasilan kertas cadangan.
- Meningkatkan kemahiran syarikat dan penyelidik kepada teknik penghasilan kertas cadangan yang berkualiti dengan bimbingan fasilitator.
- Menghasilkan kertas cadangan yang berkualiti dalam tempoh masa yang diberikan dengan bimbingan fasilitator.

Bengkel ini juga diharapkan dapat menyumbang kepada PKT dalam mencapai Teras Strategik 6 Membudaya Penyelidikan Gunaan dan Inovasi, Objektif Strategik 6A Melestari Ekosistem Penyelidikan dan Inovasi, dan KPI 24 bilangan produk inovasi yang diaplikasikan.



## 17 JUN 2020 - LIPUTAN PROJEK INOVASI 'MY BALAS BAG' DI WARTA DARUL IMAN

**My Balas Bag.**  
**Mampu Realisasi Terengganu Bebas Plastik 2021**

Ciran: Irsyadi Abu Bakar | Foto: Salahuddin al-Idrus

**P**roduk yang dihasilkan Unit Penyelidikan dan Inovasi Politeknik Kuala Terengganu, My Balas Bag mampu menjadi alternatif kepada penggunaan beg plastik dalam pelbagai jenis perniagaan di negeri ini.

Selaras matlamat kerajaan negeri untuk mewujudkan Terengganu Tanpa Plastik 2021, inovasi ini memberikan nilai tambah kepada pengguna, peniaga dan pihak berkuasa tempatan dalam membina suasana lebih lestari dalam masyarakat.

Pembangun Pengaturcara Projek, Siti Sarah Malini Mohd Hanifa berkata, My Balas Bag dibangunkan pada pertengahan tahun 2019 sebagai alternatif kepada beg plastik.

"Kami memulakan satu sistem yang memberikan token atau mata kepada pelanggan yang tidak menggunakan plastik setiap kali membeli.

"Sebenarnya projek ini adalah berkenaan sistem. Bagaimanapun, buat permulaan kami mengentengahkan kepada Pusat Dalam Komuniti (PDK) Orang Kurang Upaya Wakaf Tapai untuk menghasilkan prototaip beg barang yang basaskan bahan kitar semula," ujarnya kepada Warta Iman.

ia bertindak sebagai sokongan kepada sistem yang mana jika kedai atau pelanggan tidak ada barang guna semula, mereka boleh

Marang.

"Ia memberikan kelebihan kepada kedai dengan mengekalkan kesetiaan pelanggan kerana token yang dikumpulkan oleh pelanggan akan ditukarkan kepada barang am dan keperluan oleh peniaga bergantung kepada berapa kutipan 'point' pengguna," katanya.

Sementara itu, Penolong Pegawai Pegawai IT (Teknologi Maklumat) MDM, Fatimah Azzahra Omar memaklumkan pada tahun ini pihaknya berusaha untuk memperluaskan penggunaannya di kedai-kedai lain di daerah tersebut.

"Kedai terpilih yang menggunakan sistem ini akan dipantau oleh MDM dari masa ke masa dan kita merancang untuk memberikan penghargaan kepada peniaga yang konsisten dalam penggunaannya.

"Secara umumnya, inovasi ini boleh mengurangkan kos pengurusan sampah bagi plastik dan peniaga boleh menjimatkan kos plastik yang akhirnya boleh disalurkan kepada pelanggan dengan pertukaran barang dengan mata yang dikumpulkan," katanya.

Sistem ini telah diperkenalkan kepada masyarakat pada September 2019 dalam sambutan Hari Alam Sekitar peringkat negeri yang lalu.

Sejak itu, My Balas Bag mendapat perhatian pelbagai pihak untuk merealisasikan kempen pengurangan guna pakai beg



# GALERI

## 08 JAN 2020 - PILIHAN RAYA KAMPUS PKT TAHUN 2020



## GALERI

# 08 JAN 2020 - SESI PENGUMUMAN KEPUTUSAN PILIHAN RAYA KAMPUS PKT 2020





# LEKOR

BULETIN INFORMASI POLITEKNIK KUALA TERENGGANU

diterbitkan oleh:  
POLITEKNIK KUALA TERENGGANU  
JALAN SULTAN ISMAIL, 20200 KUALA TERENGGANU  
TEL: 09-6204 100 | FAKS: 09-6204 102  
FB: [www.facebook.com/PolytechnicKualaTerengganuRasmi](https://www.facebook.com/PolytechnicKualaTerengganuRasmi)  
WEB: [www.pkt.edu.my](http://www.pkt.edu.my)

eISSN273-0169